

19/02/2001

15,000 sertai himpunan alaf baru

SHAH ALAM, Ahad - Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Malawati di sini hari ini, mendapat sambutan lebih 15,000 ahli 77 persatuan belia serta pelajar, pelbagai kaum, iaitu melebihi sasaran awal seramai 10,000 orang.

Perhimpunan bersejarah itu yang dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut dicatatkan dalam Malaysia Book of Record apabila 2,020 pelajar merakamkan lagu patriotik Keranamu Malaysia secara langsung.

Pelbagai acara menarik juga diadakan untuk membangkitkan semangat patriotisme generasi muda, bermula dengan persembahan silat dan paluan kompang serta diikuti bacaan puisi oleh Izz Taufiz Sazalee, 8, dari Sekolah Kebangsaan Bukit Marak, Bachok, Kelantan.

Kebolehan Izz Taufiz mendeklamasikan puisi patriotik yang dihasilkan bapanya, Sazalee Yacob, memukau orang ramai yang menyertai perhimpunan itu, anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.

Perdana Menteri dalam ucapannya pula mengingatkan generasi muda mengenai pentingnya memupuk semangat patriotisme dan budi pekerti murni bagi menyediakan diri menjadi pewaris negara.

Dr Mahathir berkata, semangat patriotisme itu merangkumi kecintaan dan kesetiaan terhadap negara serta mengamalkan semangat kekitaan dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.

"Jika rakyat tidak menumpukan kesetiaan dan ketaatan, Malaysia akan hancur dan sekiranya itu berlaku, percayalah tidak ada siapa yang akan membela kita.

Mereka (orang asing) hanya ingin dapat kekayaan untuk diri mereka," katanya pada majlis itu yang turut dihadiri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohd Khir Toyo dan Presiden MBM, Saifuddin Abdullah.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Dr Mahathir berkata cabaran alaf baru amat meruncing dan generasi muda yang tidak dilengkapi semangat patriotisme akan mudah dihasut orang luar supaya bersubhat menghapuskan kemerdekaan dan kebebasan negara.

Malah, katanya, sudah ada usaha dilakukan pihak tertentu agar golongan muda melupakan negara dan bangsa serta menerima rakyat sebagai penduduk dunia menerusi konsep globalisasi yang ditaja Barat.

"Hari ini ada rakyat Malaysia yang menerima bahawa mereka ialah warga dunia dan sanggup menyuruh orang asing menindas kita kerana sebab-sebab tertentu.

"Inilah bukti semangat cinta negara sudah terhakis dan jika tidak dipupuk semangat patriotisme di kalangan belia, kita akan hilang identiti kebangsaan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, sukar bagi generasi muda memahami apa yang sedang berlaku sekarang dengan negara kuat menekan yang lemah, termasuk melalui konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

"Konsep ini menyebabkan negara menjadi hanya sebuah daerah dunia dan pada ketika itu sukar untuk memupuk semangat patriotisme pada sebuah negara yang tidak lagi wujud," katanya.

Dr Mahathir berkata, ungkapan pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara juga akan hilang sekiranya rakyat tidak mempunyai semangat patriotisme dan menerima konsep globalisasi.

Menurut Perdana Menteri serangan budaya asing melalui pelbagai bentuk media termasuk Internet dan lagu yang didengar oleh anak-anak, juga dilakukan bagi memesongkan generasi muda supaya mengutamakan keseronokan, keganasan dan moral yang rendah.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana seorang penyanyi rap asing mendendangkan lagunya dengan lirik yang antara lain menggalakkan pelaksanaan ganas seperti membunuh.

"Sebab itulah ramai orang kita terlibat dengan jenayah, seperti merogol dan membunuh serta jenayah lain yang kita pada zaman dulu tidak pernah terfikir akan berlaku. Ini ialah kerana kita terdedah dengan budaya asing," katanya.

Dr Mahathir berkata, malangnya asakan budaya asing yang kotor itu sukar disekat hingga boleh mempengaruhi rakyat, terutama golongan muda untuk membelakangkan budaya Malaysia sendiri.

"Tak ada cara berkesan untuk kerajaan menyekat kekotoran yang datang menerusi Internet, cekera padat dan kaset. Hanya kita sendiri yang mampu menolak pengaruh buruk ini.

"Justeru, adalah penting sekali kita pupuk semula budaya kita dan membangunkan benteng moral yang mulia," katanya.

Pada sidang akhbaranya pula, Perdana Menteri menekankan mengenai pentingnya masyarakat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris kerana kebanyakan hasil penyelidikan dan teknologi serta penemuan baru diterbitkan dalam bahasa itu.

Katanya, tidak munasabah untuk menterjemah semua bahan bacaan terbabit, tetapi sebaliknya adalah lebih mudah dan menjimatkan masa jika rakyat berusaha menguasai bahasa Inggeris.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini masih ada rakyat tidak dapat menguasai ilmu menggunakan komputer serta Internet kerana tidak mahir berbahasa Inggeris dan ia dikhuatiri akan mewujudkan jurang digital.

Justeru, katanya, kerajaan sudah melancarkan pelbagai program bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris untuk memastikan tiada rakyat ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

(END)